

B A B  
K E L I M A

## BAB V

### PENUTUP

#### 5.1 Kesimpulan

Sememangnya tidak dinafikan, media cetak adalah sebagai alat penerangan yang memberi saham yang besar dalam penyebaran dakwah Islamiyah di kalangan masyarakat. Dalam bab ini penulis akan merumuskan beberapa kesimpulan tentang usaha penerbitan hadīth di Malaysia berdasarkan kepada perbincangan yang telah dibentangkan dalam bab-bab yang lalu:

1. Usaha-usaha menerbitkan buku-buku hadīth telah lama wujud.

Ianya dipelopori oleh Tok Wan Ali Kutan dan Tuan Tabal.

Namun begitu ianya tidak mengikut metodologi hadīth yang sebenarnya.

2. Tokoh yang mula memperkenalkan metodologi hadīth di

Malaysia ialah Mawlānā Khurāsān. Salah satu karya hadīth beliau yang masih ada berbentuk manuskrip ialah Sharh Tarājim al-Bukhārī. Usaha beliau ini disambung oleh muridnya seperti Hj. Ahmad Mahir, Hj. Asaad Hj. Ahmad, Hj. Yaacob Hj. Ahmad dan Hj. Nik Abdullah b. Hj. Nik Wan Musa.

3. Seorang lagi ulama yang dikagumi yang telah banyak menulis

dalam berbagai bidang agama sehingga beliau dianggap penulis yang tiada tandingannya di awal abad 1930an ialah

Hj. Mohd. Noor Ibrahim. Buku hadīth hasil karya beliau ialah Muqaddimah Mustika Hadīth Rasūlullāh s.a.w dan Mustika Hadith Jilid I yang siap disusun pada tahun 1973 malah telah diulang cetak sebanyak 7 kali oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

4. Pada keseluruhannya penerbitan hadīth di Malaysia masa kini sedang menuju ke tahap yang boleh dibanggakan berbanding dengan dekad-dekad yang lalu. Ini adalah lahir dari kesedaran umat Islam sendiri yang mula ingin memperdalam sunnah Rasūlullāh s.a.w yang merupakan sumber kedua perundangan dan teologi Islam sesudah al-Qur'ān.
5. Namun begitu sambutan dari masyarakat ini tidak menyeluruh dari segenap lapisan masyarakat. Ianya hanya tertumpu di kalangan pengkaji hadīth, para ilmuan dan pelajar. Hanya segelintir dari kalangan masyarakat umum yang meminatinya. Ini adalah disebabkan sikap masyarakat sendiri yang menganggap hadīth adalah bacaan yang berat dan ianya memadai dibaca sekadar sepintas lalu tanpa pengkajian yang mendalam.
6. Adanya persaingan dengan buku-buku dakwah dan kesufian menurut minat masyarakat setempat sedikit sebanyak turut menjelaskan minat masyarakat terhadap hadīth. Buku - buku bercorak dakwah lebih mendapat sambutan sejajar dengan arus kebangkitan dakwah masa kini.

7. Bahagian penyelidikan, penyuntingan, penterjemahan dan penyemakan dalam sebuah syarikat penerbitan sama ada agensi kerajaan mahupun persendirian adalah memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan buku-buku yang berotoriti dan sesuai dengan peredaran masa dan keperluan masyarakat seterusnya dapat menjamin keuntungan semua pihak.
8. Usaha penterjemahan dari buku-buku hadith yang muktabar juga sedang dijalankan oleh sebahagian penerbit. Ini memberi peluang kepada masyarakat seluruhnya mempelajari dan memahami fikrah ulama luar. Malah ada di kalangan penerbit yang mempunyai usahasama dengan syarikat penerbitan terkemuka di Mesir iaitu Darul Fikri. Ini adalah satu perkembangan yang baik yang boleh meningkatkan prestasi penerbitan buku-buku bercorak keagamaan di Malaysia.
9. Dalam menerbitkan buku-buku hadith ini, penerbit-penerbit tidak lepas dari menghadapi berbagai masalah seperti masalah modal atau kewangan, masalah dalam percetakan dan masalah dalam pemasaran.
10. Masalah kewangan umumnya dihadapi oleh kesemua penerbit termasuklah bahagian penerbitan di bawah agensi kerajaan sendiri. Ini adalah disebabkan wang peruntukan yang

terhad untuk menampung kos menerbitkan buku-buku dan juga majalah dan risalah bersiri yang diedarkan secara percuma.

11. Dalam proses percetakan, sebahagian besar dari penerbit menyerahkannya kepada syarikat-syarikat percetakan bumiputera lain. Namun begitu terdapat juga di kalangan penerbit yang mampu mencetak sendiri buku-buku mereka contohnya Pustaka Aman Press dan Dian DarulNaim.
12. Dalam proses pemasaran pula, sebahagian penerbit menghadapi masalah kekurangan pegawai dan kakitangan untuk mengendalikan urusan ini, kekurangan alat pengangkutan dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, walaupun penerbit menghadapi masalah yang berbagai, usaha-usaha penerbitan tetap dipergiatkan sebagai tenuhi keperluan masyarakat masa kini.

## 5.2 Saranan

Penulis akan mengemukakan beberapa saranan dan cadangan yang disebutkan perlu dilihat dan dinilai kembali oleh pihak-pihak yang terlibat dalam rangka usaha menerbitkan hadīth di Malaysia.

Saranan kepada pihak penerbit:

- a. Setiap penerbit mempunyai peranan yang besar dalam menyebarkan dakwah Islamiyah melalui buku-buku terbitannya. Sewajarnya usaha-usaha yang baik ini dipergiatkan lagi dan menganggap ianya sebagai satu wadah yang diamanahkan oleh Allah s.w.t.
- b. Segala messej yang ingin disampaikan oleh penerbit hendaklah diungkap dengan penggunaan ayat yang jelas dan nyata tanpa adanya kesamaran supaya tidak berlaku silap faham di kalangan pembaca.
- c. Bagi menjamin segala buku-buku terbitan sesebuah penerbit itu mendapat sambutan, penerbit harus menitikberatkan faktor keperluan semasa dan kualiti sesebuah buku yang bukan sekadar dinilai melalui isinya sahaja tetapi dinilai dari berbagai aspek seperti illustrasi yang menarik serta tulisan dan kulit yang bermutu.

- d. Langkah-langkah yang dilakukan oleh Thinker's Library dan Darul Fikri dalam mengedit dan menerbitkan semula buku-buku terbitan Indonesia amatlah digalakkan dan perlu diambil contoh oleh penerbit-penerbit lain. Begitu juga usaha yang dijalankan oleh BAHEIS dalam mengedit buku-buku lama ke gaya bahasa baru untuk tatapan pembaca. Usaha-usaha ini dapat menambah lagi 'khazanah keilmuan'.
- e. BAHEIS perlu menggesa semula pihak kerajaan supaya menarik balik surat pekeliling 24 : 1986 setelah saranan-saranan yang dibuat sebelum ini tidak diambil apa-apa tindakan. Ini adalah perlu untuk memudahkan urusan percetakan seterusnya dapat memperbanyak unit pengeluaran sesuai dengan permintaan dan keperluan masyarakat.
- f. BAHEIS juga perlu menggesa kerajaan menambah wang peruntukan tahunan supaya usaha-usaha penerbitan dapat dipergiatkan lagi.
- g. Usaha cetak rompak sekiranya ada dan dapat dikesan, hendaklah dibanteras secepat mungkin. Kesemua pihak haruslah bekerjasama menghapuskan komplot cetak rompak ini kerana adanya unsur penganiayaan di dalamnya yang sekiranya dibiarkan akan menular lebih jauh dan menjelaskan prestasi pengeluaran buku di Malaysia. Malah ia akan membantutkan usaha-usaha menerbitkan buku-buku oleh penerbit-penerbit lain yang tidak terlibat.

Saranan kepada syarikat percetakan:

- a. Syarikat-syarikat percetakan hendaklah berusaha meninggikan mutu penghasilan bagi memenuhi c i t a r a s a penerbit dan masyarakat amnya.
- b. Hendaklah berusaha mengatasi masalah kurang kemahiran dan kepakaran dengan mengadakan pakatan melalui persatuan percetakan bumiputera. Mereka harus bekerjasama mengatasi masalah ini dengan mengadakan pembahagian tugas-tugas tertentu dalam proses percetakan. Contohnya Syarikat A dikhususkan dalam pengasingan warna, Syarikat B dikhususkan dalam cetak teks atau Syarikat C dikhususkan dalam membinding. Dengan adanya pengkhususan ini kerja-kerja percetakan dapat diselaraskan seterusnya akan melahirkan tenaga kemahiran dan kepakaran yang sudah tentu akan melipatgandakan **qualiti** buku-buku terbitan mereka. Saran ini adalah perlu diambil kira supaya pencetak muslim atau bumiputera dapat berkembang maju seiring dengan syarikat-syarikat percetakan asing yang sememangnya telah mendahului kita dalam berbagai bidang.
- c. Hendaklah menggunakan persatuan percetakan sebagai wadah untuk mengatasi segala permasalahan yang ada terutamanya bagi menampung kekurangan alat percetakan yang moden. Ini adalah penting bagi menjamin prestasi yang baik.

d. Syarikat percetakan hendaklah bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja yang telah diamanahkan kepadanya dan memelihara kesucian ayat-ayat alQur'ān dan hadīth dengan memastikan ianya tidak dipegang oleh bukan muslim.

Suruhan kepada masyarakat umum

Kesedaran memperdalam ilmu-ilmu Islam haruslah ada diwua umat Islam. Ajaran Islam sentiasa menggalakkan umatnya berusaha menambah ilmu pengetahuan yang ada. Rasūlullāh s.a.w bersabda,

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

"Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap muslim".<sup>1</sup>

Maksud hadīth ini sudah cukup untuk difahami bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya menimba ilmu pengetahuan. Dan salah satu cara yang berkesan dalam mempelajari ilmu pengetahuan ialah melalui pembacaan. Firman Allah s.w.t,

رَأَقَرَأْتُ أَوْ يَا مَسْمُورَ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ إِلَاهُنْسَانَ مِنْ عَلْقَ.  
رَأَقَرَأْتُ أَوْ يَا كَرْمَنَ الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَرِ. عَلَمَ إِلَاهُنْسَنَ  
مَالَكَهُ يَعْلَمُ .

<sup>1</sup> Muhammad Ibn Yazid Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Muhammad Fu'ad al-Baqi, Jil. I, Misr: 'Isā al-Babi al-Halabi. 1953, m.s. '81.

Maksudnya:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".<sup>2</sup>

Ayat di atas adalah ayat pertama yang diturunkan kepada RasūlLāh s.a.w yang menyarankan proses pembacaan. Dengan adanya perintah pertama yang menyuruh manusia membaca ini menandakan membaca adalah kunci segala-galanya untuk kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat. Dalam konteks ini, jelas membuktikan Islam menggalakkan umatnya memperluaskan ilmu pengetahuan melalui pembacaan.

Sejajar dengan kehendak ayat ini, masyarakat perlulah menanamkan sikap minat membaca dengan tidak hanya tertumpu kepada satu jenis ilmu sahaja malah hendaklah memperbaikkan ilmu sehingga memahami hakikat sebenar ilmu-ilmu tersebut.

Dīn al-Islām adalah dīn yang lengkap menyeluruh merangkumi segenap aspek kehidupan termasuklah ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Di samping itu hadīth mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai sumber perundangan dan teologi Islam yang kedua selepas al-Qur'ān. Justru itu sewajarnya pengajian tentang hadīth diutamakan dari ilmu-ilmu lain untuk diperdalam dan dikaji.

---

<sup>2</sup> Surah al-'Alaq, ayat 1-5.

12

Dewasa ini, buku-buku tentang hadīth telah banyak diterbitkan. Oleh itu, sudah seujarnya seluruh masyarakat menyambut baik segala usaha yang telah dijalankan oleh pihak penerbit. Ini adalah untuk faedah bersama di samping dapat memperdalam, menghayati dan memahami hakikat dan peranan sunnah yang sebenarnya dalam kehidupan manusia. Seterusnya dapat melahirkan insan pencinta sunnah Rasūlullāh s.a.w yang abadi yang dapat menangkis segala tohongan dan tuduhan terhadap sunnah Rasūlullāh s.a.w.

Seluruh umat Islam adalah dā'i yang dipertanggungjawabkan oleh Allah s.w.t untuk memberi kesedaran dan menyampaikan dakwah Islamiyah. Dalam menyampaikan messej Islam ini, para dā'i hendaklah jelas dalam menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān dan Hadīth supaya tepat pada sasarannya dan tidak disalahertikan. Dengan berpegang kepada kedua-dua al-Qur'ān dan Hadīth dalam apa jua masalah yang dihadapi akan dipermudah dan diselamatkan oleh Allah di dunia dan akhirat seterusnya akan menjadi insan al-kāmil yang berpendirian teguh yang tidak mudah goyah imannya dalam menghadapi cabaran semasa. Wa bilLāh al-Taufiq.